



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	23/12/2019	MUKA SURAT	:	40
JABATAN	:	JKPTG			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Kerajaan bertegas pertahan tanah rizab Melayu

Iskandar Puteri: Kerajaan Johor menegaskan pendirian untuk terus mempertahankan status tanah rizab Melayu untuk Kampung Melayu Majidi, Johor Bahru.

Menteri Besar, Datuk Dr Sahrudin Jamal, berkata selain Kampung Melayu Majidi, pihaknya juga komited mengekalkan status kawasan rizab Melayu Jalan Larkin dan Larkin Jaya.

"Berdasarkan rekod di Pentadbiran Tanah Johor, terdapat dua kawasan di Larkin diisytiharkan sebagai Kawasan Simpanan Melayu dikenali sebagai Kawasan Rizab Melayu Jalan Larkin seluas 5.15 hektar yang diwartakan pada 20 Februari 1975 dan Kawasan Rizab Melayu Larkin di Larkin Jaya seluas 112.9 yang diwartakan pada 18 Julai 1974.


"Kawasan Rizab Melayu Kampung Melayu Majidee seluas 392.7 hektar juga sudah diwartakan pada 3 Mac 1949," katanya ketika menjawab soalan lisan pada Sidang Dewan Undangan Negeri di sini.

Dr Sahrudin berkata, terdapat dua kaedah bagi menjadikan sesuatu plot tanah atau kawasan sebagai rizab Melayu.

"Pertama melalui perisytiharan oleh Pengarah Tanah dan Galian Johor dengan persetujuan Sultan Johor dalam Mesyuarat mengikut Seksyen 3 Enakmen Rizab Melayu Johor 1936 ataupun kemasukan rizab Melayu atas permohonan pemilik tanah sebagaimana yang diperuntuk dalam Seksyen 6.

"Sebagai sebuah kerajaan negeri yang menjunjung tinggi Perlembagaan Persekutuan dan kontrak sosial yang menjadi asas pembentukan negara ini, kerajaan negeri akan terus mempertahankan status tanah rizab Melayu di negeri ini bagi memastikan ia terus kekal menjadi milik orang Melayu.

"Apa yang boleh saya katakan di sini, kerajaan negeri akan sentiasa mengambil pendekatan agar status rizab Melayu berkenaan tidak akan menghalang tanah ini daripada dibangunkan untuk kepentingan orang Melayu," katanya.

 **Kawasan Rizab Melayu Kampung Melayu Majidee seluas 392.7 hektar juga sudah diwartakan pada 3 Mac 1949.**

Dr Sahrudin Jamal,
Menteri Besar Johor